

27/11/1997

Umno Tawau sokong Perdana Menteri

TAWAU, Rabu - Umno Bahagian Tawau berdiri teguh menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani pelbagai cabaran terhadap negara, termasuk soal ekonomi dan kedaulatan negara.

Setiausahanya, Halik Wahid, berkata sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, rakyat negara ini berhak menentukan Perdana Menteri dan bukan rakyat negara asing.

"Sikap dan pendirian 34 ahli Kongres Amerika Syarikat dalam draf menggesa Dr Mahathir meletakkan jawatan adalah satu sikap yang amat keterlaluan dan biadap ke atas sebuah negara berdaulat dan merdeka," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Halik yang juga Setiausaha Politik Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh, juga berkata tekanan ekonomi yang meruncing ketika ini perlu menyedarkan rakyat khususnya di Sabah supaya mengamalkan jimat cermat.

"Kita perlu mengamalkan sikap berjimat cermat dan merancang perbelanjaan harian untuk mengimbangi ekonomi negara, sekali gus membantu kerajaan mengawal pengaliran wang keluar bagi menstabilkan ekonomi negara," katanya.

Menurutnya, semua pihak perlu bersatu dan bekerjasama menangani permasalahan yang dihadapi negara ketika ini.

Mengenai pilihan raya negeri, Halik berkata, Umno Tawau yakin memenangi ketiga-tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kalabakan, Merotai dan Sri Tanjung kerana persiapan yang dibuat cukup mantap.

"Pilihan raya percubaan yang selesai diadakan bulan lalu membuktikan hanya kerajaan Barisan Nasional (BN) diterima oleh rakyat berikutan pelbagai projek pembangunan yang dibawa selama ini," katanya.

(END)